

**DATE:** 31 JULY 2013  
**PUBLICATION:** UTUSAN BORNEO (SARAWAK)  
**SECTION:** BUSINESS  
**HEADLINE:** SONA PETROLEUM MULA DISENARAI DI PASARAN UTAMA  
BURSA MALAYSIA PADA 41 SEN  
**CATEGORY:** COMPANY NEWS  
**MEASUREMENT:** 450.0 CM<sup>2</sup>

## **Sona Petroleum mula disenarai di Pasaran Utama Bursa Malaysia pada 41 sen**

**KUALA LUMPUR:** Sona Petroleum Bhd semalam mula disenaraikan di Pasaran Utama Bursa Malaysia pada 41 sen, diskaun sembilan sen berbanding harga tawaran 50 sen.

Pada jam 9 pagi, jumlah dagangan sebanyak 6.787 juta saham.

Waran boleh pisah percuma dibuka pada 23.5 sen sesaham dengan jumlah dagangan sebanyak 31.403 juta dan harga penukaran 25 sen sesaham.

Harga permulaan diselaraskan turun adalah normal apabila saham induk disenaraikan bersama dengan waran dan apabila mengambil kira harga permulaan, saham induk dan waran perlu dipertimbangkan bersama bagi mendapatkan harga sebenar, demikian menurut syarikat pada sidang akhbar selepas majlis penyenaian di sini.

Sona Petroleum (dahulunya dikenali sebagai Titanium

Windfall Sdn Bhd), merupakan syarikat pemerolehan tujuan khas (SPAC) terbesar disenaraikan di Bursa dengan asas dan bahagian Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri ditawarkan sebagai sebahagian tawaran institusinya.

“Permintaan bagi saham Sona Petroleum memberangsangkan dan kami gem-bira mempunyai campuran pelabur tempatan dan antara-bangsa. Kami mengucapkan terima kasih kepada pelabur di atas keyakinan mereka terhadap pengurusan kami.

“Pasukan kami komited untuk mengembangkan syarikat dan meningkatkan nilai pemegang saham melalui usaha akan datang dalam pen-erokan dan fasa pengeluaran rangkaian nilai minyak dan gas,” kata Pengerusi Bukan Eksekutif Sona Petroleum Andreas Johannes Raymundus van Strijp. — Bernama